



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**


**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam**

**KETUA PEMBANTU TEKNIK (C.3-4 EB.5)  
JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- 1. KETUA PEMBANTU TEKNIK  
JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Elektronik dan Telekomunikasi / Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik / Telekomunikasi atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Penerbangan Awam dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.


**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Berpengalaman dan pernah menghadiri kursus-kursus (*Specialist*) di dalam dan di luar negeri bagi sistem-sistem *Communications, Navigational Aids* dan *Surveillance / Air Traffic Management* atau pernah mengikuti kursus *Air Traffic Safety Electronic Personnel (ATSEP)* adalah kelebihan.



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab secara langsung kepada Jurutera Telekom Penerbangan terhadap pengurusan teknikal melalui Unit Kecil Perhubungan, *Surveillance ATM*, Pemaliman atau Bilik Kawalan Kerosakan di dalam pengendalian, pemeliharaan dan penyenggaraan semua peralatan elektronik Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Darussalam iaitu dengan memberikan perkhidmatan yang licin dan menepati kehendak piawaian Pertubuhan Antarabangsa Penerbangan Awam (*International Civil Aviation Organisation; ICAO*) – *Annex 10* dan yang berkaitan dengannya;
2. Memahami segala ciri-ciri prestasi yang telah dimaktubkan dan sekaligus diterapkan di dalam kerja harian;
3. Berhubung rapat dengan Pegawai Penyelaras *Duty Watch Keeper (DWK)* dan Jurutera Telekom Penerbangan, Ketua Unit Kecil di dalam semua aspek bagi tujuan untuk sentiasa memberikan perkhidmatan yang licin dan menepati taraf penyenggaraan *ICAO*;
4. Memberikan pengawasan yang rapi dan bimbingan kepada kakitangan di dalam apa jua aspek penyenggaraan dan sebagainya;
5. Memastikan kakitangan melaksanakan:-
  - i. Kerja penyenggaraan selaras dengan peraturan / prosedur dan jadual-jadual yang telah ditetapkan dan yang telah dipersetujui dan disahkan oleh komiti;
  - ii. Ubahsuai yang betul lagi sempurna terhadap sistem / peralatan; dan
  - iii. Kerja pembaikan yang berperaturan dan memuaskan.
6. Mengendali dan melaksanakan pemeriksaan tentukan (penerbangan berkala) terhadap peralatan / sistem elektronik Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Darussalam yang difikirkan perlu;
7. Mengendali dan melaksanakan serta mengawasi projek pemasangan peralatan / sistem elektronik Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Darussalam yang baru;



8. Mensahkan dan menghadapkan laporan teknikal kepada Jurutera Telekom Penerbangan bagi apa jua jenis kerosakan / kerja penyenggaraan terhadap peralatan / sistem elektronik Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Darussalam sebaik sahaja peralatan / sistem tersebut kembali beroperasi;
9. Memastikan peraturan-peraturan keselamatan bagi kegunaan / amalan teknisyen di bahagian ini sentiasa dikaji secara terperinci dan dipatuhi; dan
10. Melaksanakan tugas-tugas tambahan jika diperlukan (kadang-kala berkaitan dengan bahagian khususnya dan Jabatan amnya).